



# PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM

## (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN)

Versi : 0

Tarikh Kuatkuasa : 1 Julai 2015

 <small>Jabatan Tenaga Manusia</small>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	PINDAAN : 0  TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015  MUKA SURAT : 1/27
--	---	---

## 1. ISI KANDUNGAN

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1	KANDUNGAN	1 - 2
2	TERMINOLOGI DAN DEFINISI	3 - 4
3	LATAR BELAKANG DAN OBJEKTIF	5
4	KONSEP PENILAIAN DAN LATIHAN	6
5	SYARAT KEMASUKAN	6 - 7
6	TAKWIM LATIHAN	8
7	TEMPOH PENGAJIAN	9
8	STRUKTUR PROGRAM	9
	8.1 Bahasa Pengantar	9
	8.2 Struktur Kurikulum	10
	8.2.1 Modul Wajib	10
	8.2.2 Modul Teras	11
	8.2.3 Latihan Industri (LI)	11
9	PENDAFTARAN	12
	9.1 Pendaftaran Pelajar Baru	12
	9.2 Pendaftaran Pelajar Sedia Ada	12
	9.3 Daftar Kursus	12 - 13

	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	PINDAAN : 0
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 2/27

10	SKEMA KREDIT	14
11	SISTEM GRED	15
12	SISTEM NILAIAN MATA	16 - 18
13	STATUS PENCAPAIAN KURSUS	19
14	PENILAIAN	20
	14.1 Kerja Kursus	20
	14.2 Peperiksaan Akhir	21
	14.3 Peperiksaan Khas	22
	14.4 Kehadiran	22 - 23
	14.5 Keputusan Peperiksaan Akhir	23
	14.6 Ko-kurikulum	23
	14.7 Projek Tahun Akhir (PTA)	24
	14.8 Latihan Industri (LI)	24 - 25
15	KEDUDUKAN AKADEMIK	25
	14.1 Status Kedudukan Akademik	25 - 26
	14.2 Rayuan Keputusan Akademik	27
15	PENGANUGERAHAN SIJIL/DIPLOMA	27

 <small>Jabatan Tenaga Manusia</small>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	PINDAAN : 0  TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015  MUKA SURAT : 3/27
--	---	---

## 2. TERMINOLOGI DAN DEFINISI

<b>TERMINOLOGI</b>	<b>DEFINISI</b>
<b>Institut</b>	Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM).
<b>Program</b>	Bidang pengajian yang ditawarkan oleh institut.
<b>Kursus</b>	Komponen-komponen subjek yang ditawarkan oleh sesuatu program.
<b>Pelajar</b>	Individu yang telah menyempurnakan pendaftaran program dan mengikuti pengajian di institut.
<b>Kerja Kursus (KK)</b>	Komponen penilaian yang dilaksanakan dalam kursus berkenaan dari masa ke semasa.
<b>Peperiksaan Akhir (PA)</b>	Komponen penilaian keseluruhan yang dijalankan pada penghujung kursus.
<b>Latihan Industri (LI)</b>	Latihan di premis pekerjaan dalam bidang berkaitan.
<b>Projek Tahun Akhir (PTA)</b>	Penghasilan satu projek dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang berkaitan.
<b>PNG (GPA)</b>	Purata Nilai Gred ( <i>Grade Point Average</i> )
<b>PNGK (CGPA)</b>	Purata Nilai Gred Kumulatif ( <i>Cumulative Grade Point Average</i> )

 <b>Jabatan Tenaga Manusia</b>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015</b> <b>MUKA SURAT : 4/27</b>
--	---	--

<b>TERMINOLOGI</b>	<b>DEFINISI</b>
<b>Kredit Dapat</b>	Jumlah kredit lulus bagi semua kursus.
<b>Kredit Ambil</b>	Jumlah kredit yang diambil dalam satu semester
<b>Kredit Kira</b>	Jumlah kredit yang diambilkira dalam pengiraan PNG dan PNGK.
<b>Kredit Graduasi</b>	Jumlah kredit yang diperlukan bagi bergraduat.
<b>Diploma Teknologi Kejuruteraan (DTK)</b>	Kelayakan yang dianugerahkan kepada pelajar setelah memenuhi keperluan persijilan.
<b>MJKPP</b>	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Peperiksaan dan Persijilan bagi membincangkan skop penilaian, peperiksaan dan persijilan di peringkat Institut.
<b>MJPP</b>	Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bagi membincangkan skop penilaian, peperiksaan dan persijilan di peringkat Jabatan.
<b>Jawatankuasa Rayuan Akademik</b>	Jawatankuasa di peringkat JTM yang terdiri daripada Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian, wakil Institut dan urusetia.

	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	PINDAAN : 0  TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015  MUKA SURAT : 5/27
---	---	---

### 3. LATAR BELAKANG DAN OBJEKTIF

Ekonomi negara yang semakin berkembang mendorong permintaan bilangan tenaga kerja mahir negara bagi memenuhi keperluan industri negara. Dalam usaha mencapai hasrat tersebut, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) sentiasa berusaha melahirkan graduan berketerampilan dan memperolehi pekerjaan berpendapatan tinggi.

Panduan Sistem Latihan dan Penilaian ini digunakan oleh semua program Diploma Teknologi Kejuruteraan (DTK) yang dipersijilkan oleh jabatan. Objektif utama dalam pelaksanaan latihan dan penilaian ini di antaranya:-

- (a) Memberi suatu jaminan mutu keterampilan graduan keluaran ILJTM pada tahap optimum melalui penilaian yang lebih telus, adil, komprehensif dan sahih.
- (b) Mewujudkan persaingan di kalangan pelajar untuk mendapatkan nilai gred (PNGK) yang tinggi dan lebih baik sebagai tanda tahap pencapaian dan kepuasan latihan.
- (c) Mewujudkan struktur penilaian yang seragam, adil dan memenuhi ciri keterampilan bagi memastikan kualiti pelajar ILJTM.
- (d) Membentuk sikap bertanggungjawab dan kesungguhan pelajar dan personel dalam penilaian bagi mencapai keterampilan yang ditetapkan.

Panduan Sistem Latihan dan Penilaian ILJTM ini dibaca bersama dengan Buku Peraturan Tatatertib Pelajar.

 <b>Jabatan Tenaga Manusia</b>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015</b> <b>MUKA SURAT : 6/27</b>
--	---	--

#### **4. KONSEP PENILAIAN DAN LATIHAN**

Latihan yang dijalankan untuk program Diploma Teknologi Kejuruteraan (DTK) adalah berpandukan kurikulum latihan JTM yang dibangunkan dengan mengaplikasi konsep pendidikan berasaskan hasil (*Outcome Based Education – OBE*) dan berpandukan kepada Standard Program Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan.

#### **5. SYARAT KEMASUKAN**

Pelajar yang ditawarkan untuk mengikuti program ini perlu memenuhi syarat kemasukan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Lulus SPM atau yang setaraf, serta memenuhi syarat minimum berikut;
  - (i) Lulus Bahasa Inggeris
  - (ii) Kepujian Matematik / Matematik Tambahan
  - (iii) Kepujian Sains / Sains Tambahan / Sains Gunaan / Fizik / Kimia / Teknikal / Vokasional
  - (iv) Mendapat satu kepujian dalam mana-mana mata pelajaran lain termasuk Bahasa Inggeris (i).

ATAU

 <i>Jabatan Tenaga Manusia</i>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015</b> <b>MUKA SURAT : 7/27</b>
--	---	--

- (c) Lulus STPM atau yang setaraf, dengan kelulusan dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan satu mata pelajaran berkaitan Sains/Teknikal/ Vokasional pada peringkat SPM;

ATAU

- (d) Lulus Sijil (Tahap 3 Kerangka Kelayakan Malaysia, KKM) dalam bidang Kejuruteraan/ Teknologi Kejuruteraan dengan mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.00 daripada PPT yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;

ATAU

- (e) Lulus Sijil Vokasional dan Teknikal (Tahap 3 KKM) / Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 yang diiktiraf atau setaraf dengan:

- (i) Lulus SPM dengan mendapat satu kredit dalam mana-mana mata pelajaran;
- (ii) Mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan selama satu tahun atau sekurang-kurangnya program *bridging* selama satu semester; dan
- (iii) Menyambung pengajian dalam bidang Diploma yang berkaitan sahaja.

 <small>Jabatan Tenaga Manusia</small>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	<b>PINDAAN : 0</b>  <b>TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015</b>  <b>MUKA SURAT : 8/27</b>
--	---	--

## 6. TAKWIM LATIHAN

Takwim latihan dibahagi kepada dua sesi iaitu Sesi 1 dan Sesi 2 seperti dalam Jadual 1.

<b>SESI 1</b>	<b>MINGGU</b>
Sesi Latihan	8 Minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 Minggu
Sesi Latihan	8 Minggu
Minggu Ulangkaji	2 Minggu
Peperiksaan Akhir	2 Minggu
<b>Jumlah</b>	<b>20 Minggu</b>
Cuti Semester	5 Minggu

<b>SESI 2</b>	<b>MINGGU</b>
Sesi Latihan	8 Minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 Minggu
Sesi Latihan	8 Minggu
Minggu Ulangkaji	2 Minggu
Peperiksaan Akhir	2 Minggu
<b>Jumlah</b>	<b>20 Minggu</b>
Cuti Semester	5 Minggu

**Jadual 1: Takwim Latihan**

 <b>Jabatan Tenaga Manusia</b>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015</b> <b>MUKA SURAT : 9/27</b>
--	---	--

## 7. TEMPOH PENGAJIAN

Tempoh pengajian bagi setiap program diploma yang dijalankan di ILJTM adalah seperti dalam Jadual 2.

<b>Peringkat Persijilan</b>	<b>Tempoh Lazim (Semester)</b>	<b>Had Tangguh (Semester)</b>
Diploma Teknologi Kejuruteraan	6 hingga 7	4

**Jadual 2 : Tempoh Pengajian**

### Nota :

Semester Tambahan yang dibenarkan atas faktor kesihatan, keilatan atau lain-lain ialah maksimum empat semester.

## 8. STRUKTUR PROGRAM

Struktur program DTK adalah memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam Standard Program Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan.

### 8.1 Bahasa Pengantar

Bahasa pengantar yang digunakan oleh ILJTM adalah Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

 <small>Jabatan Tenaga Manusia</small>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	PINDAAN : 0  TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015  MUKA SURAT : 10/27
--	---	--

## 8.2 Struktur Kurikulum

Struktur Kurikulum dibahagikan kepada tiga modul utama :

- (a) Modul Wajib;
- (b) Modul Teras;
- (c) Latihan Industri

### 8.2.1 Modul Wajib

Modul Wajib merangkumi jumlah kredit di antara 9 hingga 15 kredit bagi memenuhi keperluan berikut:

- (a) Keperluan Nasional
- (b) Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)
- (c) Pembangunan Peribadi

Antara kursus-kursus modul wajib adalah Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Ko-kurikulum.

Ko-kurikulum merupakan aktiviti yang dijalankan bagi meningkatkan disiplin, pengetahuan, kemahiran, kepimpinan dan keyakinan diri pelajar. Kegiatan ko-kurikulum yang dijalankan adalah berdasarkan aktiviti yang dibenarkan oleh jabatan.

 <i>Jabatan Tenaga Manusia</i>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	<b>PINDAAN : 0</b>  <b>TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015</b>  <b>MUKA SURAT : 11/27</b>
--	---	---

### **8.2.2 Modul Teras**

Modul teras terdiri daripada kursus-kursus Teras Umum dan Teras Disiplin.

(a) Teras Umum

Teras Umum merangkumi jumlah kredit di antara 9 hingga 22 kredit yang melibatkan kursus-kursus seperti Matematik, Sains dan Modul Pembangunan Profesional.

(b) Teras Disiplin

Teras Disiplin merangkumi jumlah kredit di antara 36 hingga 50 dengan 60% melibatkan jam kerja praktikal. Teras Disiplin ini melibatkan kursus-kursus yang ditetapkan oleh institut mengikut keperluan program termasuk Projek Tahun Akhir (PTA) yang melibatkan 6 kredit di mana 1 kredit bagi PTA 1 dan 5 kredit bagi pelaksanaan PTA 2.

### **8.2.3 Latihan Industri (LI)**

Tujuan LI ialah untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar tentang keadaan dan suasana kerja sebenar di industri.

LI diwajibkan kepada semua pelajar dan dijalankan selama 6 bulan pada semester akhir di industri-industri yang dikenalpasti mengikut kursus yang ditawarkan kecuali bagi program yang tertakluk kepada keperluan badan persijilan profesional merangkumi 10 kredit.

 <small>Jabatan Tenaga Manusia</small>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	PINDAAN : 0  TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015  MUKA SURAT : 12/27
--	---	--

## 9. PENDAFTARAN

### 9.1 Pendaftaran Pelajar Baru

- (a) Pelajar dikehendaki mendaftar di institut pada tarikh yang ditetapkan.
- (b) Tawaran kemasukan adalah terbatal dengan sendirinya jika pelajar tidak mendaftar di institut dalam tempoh yang ditetapkan.
- (c) Pelajar tidak dibenarkan menukar program yang ditawarkan **kecuali** mendapat kelulusan pihak berkuasa institut.

### 9.2 Pendaftaran Pelajar Sedia Ada

Pelajar dikehendaki mendaftar pada tarikh yang ditetapkan oleh institut.

### 9.3 Daftar Kursus

- (a) Pelajar dikehendaki mendaftar kursus yang ditawarkan dalam tempoh 10 hari bekerja daripada tarikh lapor diri sesi latihan semasa.
- (b) Pelajar yang menangguh pengajian dikehendaki mendaftar kursus dalam tempoh yang ditetapkan Institut.

 <b>Jabatan Tenaga Manusia</b>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015</b> <b>MUKA SURAT : 13/27</b>
--	---	---

**(c) Ulang Kursus (UK):**

- (i) Pelajar yang gagal sesuatu kursus dikehendaki mengulang kursus berkenaan dalam tempoh latihan yang dibenarkan;
- (ii) Pelajar perlu mendapat nasihat dan pengesahan dari Ketua Bahagian atau Ketua Jabatan masing-masing sebelum mendaftar kursus ulangan tersebut;
- (iii) Pelajar yang mengikuti latihan tanpa mendaftar kursus ulangan pada semester berkenaan segala penilaian bagi kursus tersebut tidak akan diambil kira.

**(d) Gugur Kursus (GK):**

- (i) Pelajar dibenarkan menggugurkan kursus atas pertimbangan Ketua Jabatan berdasarkan beban kredit pelajar pada semester berkenaan.
- (ii) Tempoh gugur kursus adalah sehingga minggu ke 8 pada semester berkenaan.

 <small>Jabatan Tenaga Manusia</small>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	PINDAAN : 0  TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015  MUKA SURAT : 14/27
--	---	--

## 10. SKEMA KREDIT

ILJTM menggunakan sistem unit kredit di mana setiap unit kredit adalah bersamaan dengan 40 jam pembelajaran pelajar (*student learning time – SLT*). Pentakrifan bagi satu unit kredit adalah meliputi aktiviti – aktiviti seperti berikut:

- (a) Jumlah jam bersemuka meliputi kelas teori dan amali
- (b) Jumlah jam pembelajaran kendiri
- (c) Jumlah jam penilaian

Had kredit maksimum adalah 21 kredit bagi setiap semester (kredit semasa dan kredit mengulang). Pelajar yang ingin mendaftar melebihi 21 kredit perlu mendapat kelulusan Ketua Jabatan.

Nilai kredit minimum selepas gugur kursus mestilah tidak kurang daripada 12 kredit.

Bagi tujuan penganugerahan DTK, jumlah kredit bergraduat adalah merujuk kepada struktur program dan tertakluk kepada minimum 90 kredit.

Pengiraan PNGK bagi Ulang Kursus (UK), kredit kira dan mata nilai terkini kursus yang diulang akan diambilkira, dan kredit kira serta mata nilai terdahulu dikekalkan.

	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	PINDAAN : 0
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 15/27

## 11. SISTEM GRED

Prestasi pelajar bagi sesuatu kursus dinilai berdasarkan sistem gred seperti Jadual 3.

MARKAH (%)	GRED	MATA NILAI	STATUS
90 - 100	A	4.00	LULUS CEMERLANG
80 - 89	A –	3.67	
70 - 79	B+	3.33	LULUS BAIK
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.67	LULUS
55 - 59	C+	2.33	
50 - 54	C	2.00	GAGAL
45 - 49	C-	1.67	
40 - 44	D+	1.33	
35 - 39	D	1.00	
0 - 34	E	0.00	

**Jadual 3 : Sistem Gred**

Pelajar yang gagal (gred C- hingga gred E) perlu mengulang bagi kursus tersebut.

Pengesahan keputusan adalah tertakluk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Peperiksaan dan Persijilan (MJKPP) peringkat institut.

 <small>Jabatan Tenaga Manusia</small>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	PINDAAN : 0  TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015  MUKA SURAT : 16/27
--	---	--

## 12. SISTEM NILAIAN MATA

Purata Nilai Gred (PNG), dikira dengan mengambil jumlah mata nilai didarab dengan kredit kursus dan dibahagikan dengan kredit kira semester semasa.

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah (Mata Nilai} \times \text{Kredit Kursus)}}{\text{Kredit Kira Semester}}$$

Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK), ditentukan dengan mengira jumlah keseluruhan mata nilai didarab dengan unit kredit dan dibahagi dengan jumlah keseluruhan unit kredit untuk semua kursus yang telah diambil dari awal pengajian sehingga kini.

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah (Mata Nilai} \times \text{Kredit Kursus)}}{\text{Jumlah Kredit Kira}}$$

Contoh pengiraan PNG (Semester 1) dan PNGK (Semester 2) adalah seperti di dalam Jadual 4 dan Jadual 5:



**PANDUAN SISTEM LATIHAN  
DAN PENILAIAN ILJTM  
(DIPLOMA TEKNOLOGI  
KEJURUTERAAN )**

PINDAAN : 0

TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015

MUKA SURAT : 17/27

Kursus	Kredit	Gred	Mata Nilai	Mata Nilai x Kredit
<b>Keputusan Peperiksaan Bagi Semester Satu (1)</b>				
<i>Electric Circuit</i>	3	B+	3.33	9.99
<i>Electronic Instrumentation and Measurement</i>	2	B	3.00	6.00
<i>Computer Assemble and Upgrading</i>	3	A-	3.67	11.01
<i>Engineering Mathematic I</i>	2	C+	2.33	4.66
<i>Applied Science I</i>	2	B-	2.67	5.34
<i>Computer Application</i>	1	A-	3.67	3.67
<i>English I</i>	1	B+	3.33	3.33
<i>Islamic Education I</i>	1	A-	3.67	3.67
<i>Co-Curriculum I</i>	*1	<b>LULUS</b>		
Kredit Ambil	16			
Kredit Kira*	15			47.67

Nota : Kredit kira tidak termasuk Co-Curriculum

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah (Mata Nilai} \times \text{Kredit Kursus)}}{\text{Kredit Kira Semester}}$$

$$\text{PNG} = \frac{47.67}{15}$$

= 3.18 (Contoh PNG yang diperolehi pada Semester 1)

**Jadual 4 : Contoh Pengiraan PNG**

 Jabatan Tenaga Manusia	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	PINDAAN : 0
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
	MUKA SURAT	: 18/27

Kursus	Kredit	Gred	Mata Nilai	Mata Nilai x Kredit
<b>Keputusan Peperiksaan Bagi Semester Dua (2)</b>				
<i>Computer Maintenance and Troubleshooting</i>	3	B+	3.33	9.99
<i>Electronic Devices</i>	3	A-	3.67	11.01
<i>Digital Electronics</i>	2	B	3.00	6.00
<i>Desktop Operating System</i>	3	B+	3.33	9.99
<i>Industrial Safety</i>	1	B-	2.67	2.67
<i>Engineering Mathematics II</i>	2	B-	2.67	5.34
<i>Applied Science II</i>	2	C+	2.67	4.66
<i>English II</i>	1	B	2.33	3
<i>Islamic Education II</i>	1	A-	3.00	3.67
<i>Co-Curriculum II</i>	*1	LULUS		
Kredit Ambil	19			
Kredit Kira*	18			56.33

Nota : Kredit kira tidak termasuk Co-Curriculum

$$\text{PNG} = 56.33 / 18 = 3.13 \text{ (PNG Semester 2)}$$

$$\begin{aligned}\text{PNGK} &= \frac{\text{Jumlah}(\text{Mata Nilai} \times \text{Kredit Kursus})}{\text{Jumlah Kredit Kira}} \\ &= \frac{47.67 + 56.33}{15 + 18} \\ &= 3.15 \text{ (Contoh PNGK yang diperolehi pada Semester 2)}\end{aligned}$$

Jadual 5: Contoh Pengiraan PNGK

 <b>Jabatan Tenaga Manusia</b>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015</b> <b>MUKA SURAT : 19/27</b>
--	---	---

### 13. STATUS PENCAPAIAN KURSUS

Status pencapaian kursus menjelaskan tahap pencapaian dan status kursus bagi setiap pelajar seperti di dalam Jadual 6 di bawah:

<b>BIL.</b>	<b>STATUS</b>	<b>NAMA</b>	<b>DEFINISI</b>
1	L	Lulus	Status yang diberikan apabila markah kursus sama atau melebihi 50% dan memenuhi syarat yang ditetapkan.
2	G	Gagal	Status yang diberikan apabila markah kursus adalah kurang daripada 50%.
3	BH	Berhenti	Status yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk berhenti dari meneruskan latihan atau pelajar yang meninggal dunia.
4	DBH	Diberhentikan	Status yang diberikan kepada pelajar yang diberhentikan oleh institut atas pelanggaran peraturan tatatertib.
5	GK	Gugur kursus	Status yang diberikan kepada pelajar yang telah menggugurkan kursus tertentu.
6	TG	Tangguh	Status yang diberikan kepada pelajar disebabkan akademik, masalah kesihatan dan kes khas yang diluluskan.
7	DK	Dikecualikan	Status yang diberi kepada pelajar yang dikecualikan dari mengambil kursus tertentu.

**Jadual 6 : Status Pencapaian Kursus**

 <i>Jabatan Tenaga Manusia</i>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	<b>PINDAAN : 0</b>  <b>TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015</b>  <b>MUKA SURAT : 20/27</b>
--	---	---

## 14. PENILAIAN

Pelajar dinilai secara berterusan bagi setiap semester yang meliputi Kerja Kursus (KK) dan Peperiksaan Akhir (PA) seperti yang ditetapkan di dalam setiap kursus.

Komposisi markah penilaian yang akan digunakan adalah berdasarkan kepada Jadual 7:

Kategori	KK	PA
Kursus yang melibatkan peperiksaan akhir	60%	40%
Kursus yang tiada peperiksaan akhir	100%	0%

**Jadual 7: Komposisi markah penilaian**

Pengagihan pemberat teori dan amali adalah bergantung kepada kesesuaian kursus dan menepati syarat standard Diploma Teknologi Kejuruteraan.

### 14.1 Kerja Kursus

- (a) Kaedah penilaian kerja kursus merangkumi tugas, kuiz, ujian, persembahan, laporan projek dan lain-lain.
  
- (b) Keputusan kerja kursus dan peratus jumlah kehadiran pelajar yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan akan dipaparkan untuk makluman pelajar sebelum minggu peperiksaan.

 <i>Jabatan Tenaga Manusia</i>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	<b>PINDAAN : 0</b>  <b>TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015</b>  <b>MUKA SURAT : 21/27</b>
--	---	---

## 14.2 Peperiksaan Akhir

- (a) Peperiksaan Akhir akan dijalankan pada penghujung kursus.
- (b) Kelayakan pelajar untuk menduduki Peperiksaan Akhir adalah memenuhi syarat kehadiran minimum 80% untuk setiap kursus.
- (c) Pelajar wajib untuk menduduki peperiksaan akhir.
- (d) Pelajar yang gagal hadir selepas 15 minit peperiksaan akhir bermula boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan.
- (e) Pelajar yang melakukan kesalahan tata tertib semasa peperiksaan akhir seperti meniru/menipu akan dihalang daripada menduduki peperiksaan dan diambil tindakan melalui Jawatankuasa Kecil Peperiksaan & Persijilan.
- (f) Kegagalan pelajar mematuhi perkara (c), (d), dan (e) akan diberikan Gred E bagi kursus tersebut.
- (g) Pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh pihak pengurusan institut layak menduduki peperiksaan khas.

 <small>Jabatan Tenaga Manusia</small>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	PINDAAN : 0  TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015  MUKA SURAT : 22/27
--	---	--

#### **14.3 Peperiksaan Khas**

Pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir boleh dipertimbangkan untuk menduduki Peperiksaan Khas bagi kes-kes seperti berikut:

- (a) disahkan sakit oleh pegawai perubatan bertauliah;
- (b) kematian ibu/bapa/penjaga/suami/isteri/anak;
- (c) perlu memberi penjagaan rapi kepada ibu / bapa / penjaga / suami / isteri / anak; atau
- (d) sebab-sebab lain yang diluluskan oleh pihak institut.

Bagi menduduki peperiksaan khas, pelajar perlu membuat permohonan dengan melampirkan dokumen sokongan dan diluluskan oleh Pengarah Institut.

#### **14.4 Kehadiran**

- (a) Pelajar perlu menghadiri semua sesi latihan yang ditentukan bagi setiap kursus dengan mencapai kehadiran sekurang-kurangnya 80% untuk melayakkan pelajar menduduki peperiksaan akhir.
- (b) Pelajar yang tidak mencapai kehadiran 80% tidak dibenarkan menghadiri kuliah dan menduduki sebarang bentuk penilaian selanjutnya. Gred E akan diberikan bagi kursus berkenaan.

 <i>Jabatan Tenaga Manusia</i>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015</b> <b>MUKA SURAT : 23/27</b>
--	---	---

- (c) Bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir, pelajar perlu memenuhi syarat kehadiran minimum 80%. Sekiranya syarat kehadiran tidak dipenuhi, pelajar akan diberikan Gred E bagi kursus tersebut.

#### **14.5 Keputusan Peperiksaan Akhir**

- (a) Pengesahan keputusan peperiksaan akhir akan disahkan melalui MJKPP. Keputusan perlu diedarkan kepada pelajar dalam tempoh satu minggu dari tarikh semester baru bermula.
- (b) Pelajar boleh membuat rayuan penyemakan semula skrip jawapan peperiksaan bagi mana-mana kursus dalam tempoh 7 hari selepas keputusan diumumkan tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Peperiksaan dan Persijilan (MJKPP).
- (c) Bayaran sebanyak RM 50.00 bagi satu kertas peperiksaan akan dikenakan untuk tujuan tersebut. Rayuan semakan hanya dibenarkan sekali sahaja bagi setiap kursus. Prosedur ini hanya terhad kepada peperiksaan teori sahaja.

#### **14.6 Ko-Kurikulum**

Ko-kurikulum adalah modul HADIR WAJIB (HW) pada semester pertama dan kedua. Syarat kehadiran minima bagi modul ko-kurikulum adalah 80%. Nilai kredit adalah satu kredit.

Markah lulus bagi ko-kurikulum adalah 50%. Nilai gred Ko-kurikulum tidak dikira dalam pengiraan PNGK tetapi merupakan syarat bergraduat.

 <b>Jabatan Tenaga Manusia</b>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015</b> <b>MUKA SURAT : 24/27</b>
--	---	---

#### **14.7 Projek Tahun Akhir (PTA)**

- (a) PTA dilaksanakan oleh pelajar secara individu atau berkumpulan berkaitan dengan bidang pengkhususan masing-masing.
- (b) Bilangan maksimum pelajar yang dibenarkan bagi setiap kumpulan ialah 3 orang.
- (c) Penilaian dan pemarkahan bagi PTA ini adalah berdasarkan kepada panduan penilaian yang sedang berkuatkuasa.
- (d) PTA terbahagi kepada dua peringkat iaitu PTA 1 dan PTA 2. PTA 1 merupakan pra-syarat bagi PTA 2.
- (e) Sekiranya gagal, pelajar dikehendaki mengulang semula dalam tempoh yang dibenarkan.

#### **14.8 Latihan Industri (LI)**

- (a) Nilai kredit bagi LI adalah 10. Nilai kredit bagi LI akan dinilai sebagai kredit bergraduasi dan ianya tidak akan dikira dalam sistem PNGK pelajar.
- (b) Pelajar layak menjalani LI sekiranya memenuhi pra-syarat berikut:
  - i. Memperolehi PNGK 2.00 ke atas.
  - ii. Telah lulus semua kursus teras.
  - iii. Telah mendapat kelulusan pihak institut.

 <i>Jabatan Tenaga Manusia</i>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	<b>PINDAAN : 0</b>  <b>TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015</b>  <b>MUKA SURAT : 25/27</b>
--	---	---

- (c) Penilaian dan pemarkahan bagi LI adalah berdasarkan kepada:
- i. Laporan kehadiran pelajar (kurang 90% kehadiran dianggap gagal).
  - ii. Buku log harian pelajar.
  - iii. Laporan penyelia/ ulasan syarikat.
  - iv. Laporan Pegawai Penilai Latihan Industri.
  - v. Laporan eksekutif.
- (d) Pelajar tidak dibenarkan menjalani latihan di industri tanpa mendapat kelulusan dari pihak pengurusan institut.
- (e) LI dilaksanakan sekali sahaja dan ulang LI adalah tidak dibenarkan. Rayuan bagi keputusan LI boleh dibuat secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Akademik Jabatan dalam tempoh masa 10 hari bekerja dari tarikh keputusan LI diumumkan.

## 15. KEDUDUKAN AKADEMIK

### 15.1 Status Akademik

Pencapaian keseluruhan pelajar dinilai dengan menggunakan dua ukuran iaitu PNG untuk sesuatu semester dan PNGK untuk keseluruhan semester yang telah diikuti.

Status kedudukan akademik pelajar ditentukan pada setiap semester dengan menggunakan PNGK seperti dalam Jadual 8 berikut:

	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	PINDAAN : 0
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 26/27

BIL.	STATUS	KRITERIA	IMPLIKASI
1.	<b>LULUS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <math>\text{PNGK} \geq 2.0</math></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Layak untuk menyambung ke semester berikutnya.</li> <li>• Memenuhi salah satu syarat penganugerahan sijil.</li> </ul>
2.	<b>DALAM PERHATIAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <math>\text{PNGK}</math> antara 1.67 hingga 1.99 pada mana-mana semester kecuali semester akhir</li> <li>• Gagal tidak melebihi 5 unit kredit pada mana-mana semester</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Layak untuk menyambung ke semester berikutnya.</li> <li>• Mengulang subjek yang gagal pada semester berikutnya.</li> <li>• Disingkirkan sekiranya mendapat status dalam perhatian sebanyak 2 kali.</li> </ul>
3.	<b>GAGAL</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <math>\text{PNGK}</math> kurang daripada 1.67 pada mana-mana semester.</li> <li>• Mempunyai <math>\text{PNGK}</math> diantara 1.67 hingga 1.99 dan gagal melebihi 5 unit kredit pada mana-mana semester.</li> <li>• <math>\text{PNGK}</math> kurang daripada 2.0 semasa semester akhir.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diberhentikan pengajian</li> <li>• Tidak layak mengulang modul dan meneruskan pengajian ke semester berikutnya.</li> </ul>

**Jadual 8 : Kedudukan Akademik**

 <b>Jabatan Tenaga Manusia</b>	<b>PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM (DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN )</b>	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015</b> <b>MUKA SURAT : 27/27</b>
--	---	---

## 15.2 Rayuan Keputusan Akademik

Pelajar yang mendapat status Gagal dan Diberhentikan boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Akademik dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh keputusan diumumkan.

## 15. PENGANUGERAHAN DIPLOMA

Pelajar-pelajar yang telah memenuhi syarat-syarat berikut layak diperakukan untuk menerima Diploma Teknologi Kejuruteraan yang dianugerahkan oleh Jabatan Tenaga Manusia :

- (a) Lulus semua kursus yang telah ditetapkan.
- (b) Memperolehi sekurang-kurangnya PNGK 2.00.
- (c) Lulus Latihan Industri (LI)
- (d) Disahkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan Jabatan Tenaga Manusia.
- (e) Memenuhi lain-lain syarat yang ditetapkan.

Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia,  
Aras 6, Blok D4, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62530 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Tel : 03-88865555 Faks : 03-88892417